




MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA



Laporan Peperiksaan STPM 2018

Usuluddin (931)





Laporan Peperiksaan STPM 2018

Usuluddin (931)



SASBADI SDN. BHD. (139288-X)
(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad (1022660-T))
PETALING JAYA



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

Diterbitkan oleh

Sasbadi Sdn. Bhd. (139288-X),
(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad (1022660-T))
Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: +603-6145 1188
Faks: +603-6145 1199
Laman web: www.sasbadisb.com
e-mel: enquiry@sasbadi.com

Majlis Peperiksaan Malaysia,
Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan memetik atau mencetak kembali mana-mana bahagian isi buku ini dalam bentuk apa jua dan dengan cara apa pun, baik secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau yang lain-lain sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

© Majlis Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia

ISBN 978-983-77-1299-7

KANDUNGAN

Usuluddin (931/1)	<i>1 – 3</i>
Usuluddin (931/2)	<i>4 – 7</i>
Usuluddin (931/3)	<i>8 – 10</i>

USULUDDIN (931/1)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 1 180 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 76.53% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	12.29	6.36	9.24	11.10	13.47	13.39	10.68	7.71	3.81	4.68	7.20

RESPONS CALON

Komen am

Secara umumnya, mutu jawapan calon adalah pada tahap yang sederhana. Terdapat beberapa kelemahan calon, iaitu calon tidak memahami kehendak soalan dengan baik, calon tidak dapat memberikan dalil dengan tepat, dan calon tidak dapat memberikan fakta yang tepat.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon menyatakan makna *al-din* dari segi bahasa berdasarkan firman Allah SWT yang diberikan. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah (i) pembalasan dan (ii) taat dan patuh.

Soalan 1(b) menghendaki calon memberikan dalil al-Quran serta menjelaskan makna *al-Din* dalam maksud agama yang benar dan agama yang salah. Kebanyakan calon mampu mendatangkan dalil al-Quran berkaitan dengan soalan ini tetapi tidak sempurna.

Soalan 1(c) menghendaki calon membincangkan ciri-ciri *al-Din* yang benar berdasarkan pengertian al-Din. Sebahagian calon mampu menjawab dengan baik berkaitan dengan ciri-ciri *al-Din* yang benar. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah ia datang daripada Allah SWT sebagai penggubal, sesuai dengan fitrah manusia, mempunyai pembalasan yang berbentuk ganjaran dan seksaan, ia berfungsi untuk memandu, membimbing, dan memberi hukum kepada manusia, dan lain-lain lagi.

Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon menjelaskan hubungan antara Iman dengan Islam. Sebahagian calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat menunjukkan hubungan antara Iman dengan Islam yang saling berkait rapat dan huraian yang perlu. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah Iman ialah keyakinan yang menjadi dasar akidah dan keyakinan tersebut diterjemahkan melalui pelaksanaan rukun Islam.

Soalan 2(b) menghendaki calon menjelaskan kedudukan Iman, Islam dan Ihsan pada diri Cik B berdasarkan perbualan yang diberikan. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon sepatutnya menjelaskan kedudukan Iman Cik B sama ada lemah atau tidak, kedudukan Islamnya sama ada taat atau tidak, dan kedudukan Ihsannya sama ada dia memiliki Ihsan ataupun tidak berserta huraian.

Soalan 2(c) menghendaki calon membincangkan faedah keimanan dalam kehidupan masyarakat. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah Iman dapat membentuk kesatuan ummah, membentuk masyarakat yang saling membantu, membentuk masyarakat yang mampu menjadi tauladan kepada masyarakat yang lain, membentuk masyarakat yang harmoni, dan lain-lain lagi.

Soalan 3

Soalan 3(a) menghendaki calon mengemukakan dua ayat al-Quran yang menerangkan kebenaran akidah Islam dalam perkara ketuhanan. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah ayat 1 Surah al-Ikhlâs, ayat 22 Surah al-Anbiya, atau ayat 91 Surah al-Mukminun.

Soalan 3(b) menghendaki calon menghuraikan tiga perkara *sam'iyat* menurut al-Quran. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah syurga, neraka, pahala, dosa, hari kiamat dan lain-lain lagi.

Soalan 3(c) menghendaki calon membincangkan dua ayat yang mengisbatkan kebenaran akidah Islam. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah ayat 78-79 Surah Yaasin yang menerangkan tentang menolak fahaman yang menafikan hari kebangkitan, ayat 94-95 Surah al-Isra' yang menerangkan menolak hujah golongan yang tidak beriman dengan rasul Allah, ayat 76-79 Surah al-An'am yang menempelak golongan yang mendakwa cakerawala ialah Tuhan, dan sebagainya.

Soalan 4

Soalan 4(a) menghendaki calon menerangkan maksud *khatm al-nubuwwah* dalam Islam. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. *Khatm al-nubuwwah* ialah Nabi Muhammad SAW yang merupakan rasul penamat kepada sekalian para nabi dan rasul yang sebelumnya dan tiada lagi Nabi yang akan diutuskan selepasnya.

Soalan 4(b) menghendaki calon menjelaskan pernyataan yang diberikan, iaitu risalah Nabi Muhammad SAW membatalkan risalah yang sebelumnya. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah risalah yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW lengkap, risalah yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW tetap dan tidak akan berubah sehingga hari kiamat, ia bersifat sejagat yang tidak dibataskan dengan sebarang ruang dan waktu, dan sebagainya.

Soalan 4(c) menghendaki calon memberikan bukti bahawa risalah Nabi Muhammad SAW terpelihara hingga hari kiamat berdasarkan ayat yang diberikan. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah al-Quran telah direkodkan sejak awal penurunannya, terdapat jaminan daripada Allah tentang pemeliharaan al-Quran, bacaan yang dihafal oleh para sahabat telah *ditasmik* oleh Rasulullah SAW sendiri, al-Quran kekal dalam bahasa asal, dan sebagainya.

Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon menyatakan empat ciri ajaran sesat. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah ia mempunyai unsur meramal, bersifat anti masyarakat, mempunyai seorang ketua yang dipuji seperti dewa, menokok tambah hal agama, membatalkan syariat, dan lain-lain lagi.

Soalan 5(b) menghendaki calon menjelaskan tiga faktor kemunculan penyelewengan akidah Islam. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah berlakunya kemasukan unsur *Israiliyyat* yang dibawa oleh ahli kitab, kekurangan ilmu tentang akidah yang benar, *taqlid* buta, kemunculan hadis palsu, dan sebagainya.

Soalan 5(c) menghendaki calon membincangkan bagaimana faktor ekonomi boleh menyebabkan berlakunya penyelewengan akidah. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah kehidupan seseorang yang melarat atau kecewa dengan Tuhan, adanya unsur meminta bantuan jin untuk maju dalam perniagaan, menganggap keuntungan dan kekayaan yang diperolehi adalah usaha sendiri bukan anugerah Allah SWT dan menggadaikan akidah disebabkan kesusahan hidup, terdapat tawaran kebendaan, dan sebagainya.

USULUDDIN (931/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 1 177 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 73.40% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	7.99	7.82	7.48	12.06	12.06	14.44	11.55	6.88	3.99	4.68	11.05

RESPONS CALON

Komen am

Secara umumnya, mutu jawapan calon adalah pada tahap yang sederhana. Terdapat beberapa kelemahan calon, iaitu calon tidak memahami kehendak soalan dengan baik, calon tidak dapat memberikan dalil yang tepat, dan calon tidak dapat memberikan fakta yang tepat.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: *Ulum al-Quran*

Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon memberikan empat keistimewaan *Rasm Uthmani*. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah *rasm* tersebut mengikut sunnah Rasulullah SAW, bersifat *tawqifi*, bertepatan dengan *sab'ah ahruf*, mengikut tulisan al-Quran yang asal, bertepatan dengan riwayat bacaan yang *mutawatir*, dan lain-lain lagi.

Soalan 1(b) menghendaki calon menjelaskan empat sebab para sahabat dan tabiin melakukan penambahbaikan terhadap *rasm uthmani*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah perluasan wilayah Islam yang menyebabkan berlaku perselisihan bacaan, untuk disesuaikan dengan wajah *qiraat* yang sepuluh, supaya ayat yang dibaca mencapai maksud, untuk menyelaraskan bacaan al-Quran yang *khilaf*, bagi memudahkan pembaca membezakan huruf, seperti huruf *sad* dengan *dhad*, dan lain-lain lagi.

Soalan 1(c) menghendaki calon membincangkan faedah pengumpulan ayat al-Quran dalam satu *mashaf* kepada umat Islam kini. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah kitab al-Quran terpelihara daripada sebarang pengubahsuaian, menjadi sebagai sumber rujukan yang tidak diragui sepanjang zaman, dapat menyatupadukan umat Islam, mengelakkan kesalahan dalam bacaan, dapat memahami usaha dan pengorbanan yang dilakukan oleh para sahabat demi kemaslahatan umat Islam berhubung dengan al-Quran, dan sebagainya.

Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon memberikan dua maksud *nasakh* berserta contoh ayat al-Quran yang menunjukkan maksud tersebut. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah *nasakh* bermaksud menghapuskan berdasarkan dalil daripada ayat 52 Surah al-Hajj. *Nasakh* juga bermaksud memindahkan berdasarkan dalil daripada ayat 29 Surah al-Jathiyah.

Soalan 2(b) menghendaki calon menerangkan empat perbezaan antara *nasakh* dengan *takhsis*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Perbezaan antara *nasakh* dengan *takhsis* adalah seperti yang berikut:

Bil	<i>Nasakh</i>	<i>Takhsis</i>
1	Menghapuskan sesuatu hukum berdasarkan dalil yang disyariatkan	Mengehadkan sesuatu lafaz yang umum
2	Membatalkan kehujahan <i>mansukh</i> untuk selamanya	Tidak membatalkan kehujahan yang umum untuk selamanya
3	Hanya berlaku dengan dalil yang datang kemudian daripada <i>mansukh</i>	Boleh berlaku dengan dalil yang datang sebelum atau selepas daripadanya
4	Tidak berlaku pada perkhabaran	Berlaku pada perkhabaran
5	Berlaku pada lafaz <i>am</i> dan <i>khusus</i>	Hanya berlaku pada lafaz <i>am</i> sahaja

Soalan 2(c) menghendaki calon menjelaskan pendapat ulama tentang *nasakh* al-Quran dengan hadis Rasulullah SAW berserta dalil daripada al-Quran. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah *nasakh* al-Quran dengan hadis terbahagi kepada dua bahagian, iaitu hadis *ahad* dan hadis *mutawatir*. Bagi hukum *nasakh* al-Quran dengan hadis *ahad*, ulama sepakat menyatakan bahawa al-Quran tidak boleh *dinasakhkan* dengan hadis *ahad* kerana al-Quran bersifat *mutawatir*, sedangkan hadis *ahad* bersifat *zanni*. Bagi hadis *mutawatir* pula, sebahagian ulama mengharuskannya berdasarkan ayat 3–4 daripada Surah al-Najm. Sebahagian ulama lain tidak mengharuskan *nasakh* al-Quran dengan hadis *mutawatir* berdasarkan ayat 106 daripada Surah al-Baqarah.

Soalan 3

Soalan 3(a) menghendaki calon menyatakan **empat** faktor berlakunya penyelewengan dalam pentafsiran al-Quran. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah faktor kejahilan, *taasub*, pentafsir menggunakan metode pentafsiran yang salah, pentafsir mentafsir berdasarkan hawa nafsu, faktor politik, dan sebagainya.

Soalan 3(b) menghendaki calon menjelaskan dua contoh cerita *Isra'iliyyat* daripada *Ahl al-Kitab* dalam pentafsiran al-Quran. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Contoh cerita yang diberikan oleh calon ialah kisah pemuda *ashab al-Kahfi*, kisah Nabi Ayyub A.S, pembinaan bahtera Nabi Nuh A.S, dan sebagainya.

Soalan 3(c) menghendaki calon membincangkan kesan riwayat *Isra'iliyyat* kepada umat Islam. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara kesan positif kepada umat Islam ialah membuka ruang perbahasan ilmu berkaitan dengan al-Quran, menjadikan umat Islam lebih berhati-hati dalam menerima dan meriwayatkan kisah dalam al-Quran, dan dapat memberi pengajaran yang baik. Antara kesan negatif pula ialah memberi gambaran bahawa Islam merupakan agama yang *khurafat*, merendahkan martabat seorang Nabi, merosakkan akidah umat Islam, dan sebagainya.

BAHAGIAN B: *Ulum al-Hadis*

Soalan 4

Soalan 4(a) menghendaki calon menerangkan maksud hadis *qudsi*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Hadis *qudsi* ialah ucapan yang disandarkan kepada Allah SWT dan disampaikan kepada umat Islam melalui kata-kata Rasulullah SAW.

Soalan 4(b) menghendaki calon menerangkan **empat** perbezaan antara *al-Hadis* dengan *al-Sunnah*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara perbezaannya ialah hadis lebih khusus, sedangkan sunnah lebih umum. Hadis tiada antonim, sedangkan sunnah antonimnya *bid'ah*, dan sebagainya.

Soalan 4(c) menghendaki calon membincangkan kepentingan *Ulum al-Hadis* kepada para *muhaddis*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara kepentingan *Ulum al-Hadis* kepada *muhaddis* ialah dapat mengetahui status hadis, dapat mengkategorikan hadis mengikut bilangan perawi, dapat mengesan kesahihan sesebuah hadis, dapat mengetahui sifat perawi, dan dapat mengatasi permasalahan dalam memahami sesebuah hadis yang *mukhtalaf*.

Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon menerangkan pengertian hadis *mutawatir* berserta contoh. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Hadis *mutawatir* ialah hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang ramai pada setiap *tabaqat* dan mustahil mereka berpakat untuk berdusta mencipta hadis.

Soalan 5(b) menghendaki calon membezakan antara hadis *mutawatir* dengan hadis *ahad*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Perbezaan antara hadis *mutawatir* dengan hadis *ahad* adalah seperti yang berikut:

Bil	Hadis <i>mutawatir</i>	Hadis <i>ahad</i>
1	Bersifat <i>qati'e</i>	Bersifat <i>zanni</i>
2	Terbahagi kepada dua, iaitu <i>maknawi</i> dan <i>lafzi</i>	Terbahagi kepada tiga, iaitu <i>masyhur</i> , <i>aziz</i> , dan <i>gharib</i>
3	Semuanya <i>sahih</i>	Terdapat yang <i>sahih</i> , <i>hasan</i> , dan <i>daif</i>
4	Bilangannya sedikit	Bilangannya banyak

Soalan 5(c) menghendaki calon membincangkan hukum beramal dengan hadis *mutawatir*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Hukum tersebut ialah hadis *mutawatir* boleh dijadikan hujah, hadis ini diterima tanpa perlu diperiksa keadaan perawinya, wajib beramal dengannya, dan kafir jika mengingkari hadis ini.

Soalan 6

Soalan 6(a) menghendaki calon memberikan dua contoh karya penulisan Idris al-Marbawiyy. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara kitab yang ditulis oleh beliau ialah kamus al-Marbawiyy, kitab *Bulugh al-Maram*, tafsir *Nurul Yaqin*, dan sebagainya.

Soalan 6(b) menghendaki calon memerihalkan latar belakang pendidikan Idris al-Marbawiyy. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah Idris al-Marbawiyy mendapat pendidikan awal secara tidak rasmi melalui keluarganya dan

kemudian beliau mendapat pendidikan rasmi yang pertama di Sekolah Melayu Lubuk Merbau di Perak, beliau pernah belajar di beberapa buah pondok seperti Pondok Syeikh Wan Muhammad Kuala Kangsar, Pondok Tuan Husain al-Masudi di Kedah. Seterusnya beliau melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar dan beliau mendalami serta menguasai pelbagai ilmu seperti ilmu tafsir, hadis, *fiqh*, *tasawuf*, dan bahasa Arab.

Soalan 6(c) menghendaki calon membincangkan isi kandungan kitab *Bahr al-Maziyy*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara isi kandungan kitab ini ialah penulis menghuraikan 8 200 permasalahan yang berlainan hukum berkaitan dengan kehidupan manusia dan kitab ini turut mengandungi sebanyak 3 016 hadis. Kitab ini turut membincangkan hadis berkaitan dengan niat dan menghuraikan 30 masalah berkaitan dengan niat. Penulis menghuraikan permasalahan yang terdapat dalam hadis dengan membawa pandangan ulama yang berbeza, namun begitu, penulis meletakkan pandangan mazhab Syafie sebagai keutamaan. Kitab ini juga mengandungi sedikit maksud hadis *sahih*, *hasan*, dan *gharib*.

USULUDDIN (931/3)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 1 169 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 64.16% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	8.13	5.30	7.36	7.53	12.57	10.01	13.26	7.27	7.44	4.36	16.77

RESPONS CALON

Komen am

Secara umumnya, mutu jawapan calon adalah pada tahap yang sederhana. Terdapat beberapa kelemahan calon, iaitu calon tidak memahami kehendak soalan dengan baik dan calon memberikan fakta yang tidak tepat.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon menjelaskan apakah yang dimaksudkan dengan ilmu mantik. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Ilmu mantik ialah ilmu yang menyusun pemikiran manusia dengan meletakkan peraturan yang boleh memelihara seseorang daripada tersalah dalam berfikir.

Soalan 1(b) menghendaki calon menghuraikan empat hujah ulama yang berpandangan bahawa hukum mempelajari ilmu mantik ialah harus. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara hujah ulama ialah ilmu mantik diperlukan untuk mematahkan hujah golongan *bid'ah*, ilmu mantik perlu dalam mempertahankan akidah Islam yang sahih, ia mampu mengawal manusia daripada melakukan kesalahan dalam berfikir, ilmu ini tidak bercanggah dengan al-Quran dan al-Hadis, dan ilmu ini tidak mengandungi unsur *bid'ah* dan khurafat.

Soalan 1(c) menghendaki calon membincangkan peranan ilmuwan Islam dalam perkembangan ilmu mantik. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah mereka telah menterjemah karya ilmu mantik seperti Logika, *Eisagoge*, dan lain-lain, mereka telah meringkas dan mengharmonisasikan karya ilmu mantik, dan terdapat ilmuwan Islam yang mengkritik karya mantik Aristotle.

Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon menjelaskan dua perkara yang membentuk *dilalah*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Dua perkara yang membentuk *dilalah* ialah *dal* dan *madlul*.

Soalan 2 (b) menghendaki calon mengkategorikan setiap contoh *dilalah* yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang patut diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Manusia ialah haiwan yang berfikir ialah *dilalah lafziyyah wad'iyyah*
- (ii) Aduh! Aduh! ialah *dilalah lafziyyah tabi'iyyah*
- (iii) Asap yang keluar daripada rumah ialah *dilalah ghayr lafziyyah 'akliyyah*
- (iv) Azan asar telah berkumandang ialah *dilalah lafziyyah wad'iyyah*
- (v) Lampu isyarat berwarna merah ialah *dilalah ghayr lafziyyah wad'iyyah*
- (vi) Air mata mengalir ialah *dilalah ghayr lafziyyah tabi'iyyah*

Soalan 2 (c) menghendaki calon membincangkan hubungan antara *dilalah* dengan *al-ta'rif*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon ialah kesilapan dalam pembentukan takrif menyebabkan *al-takrif* menjadi samar, pembentukan *ta'rif bi had tam* perlu menggunakan *dilalah wad'iyyah lafziyyah mutabaqiyyah*, pembentukan *ta'rif bi rasm* menggunakan *dilalah wad'iyyah lafziyyah iltizamiyyah*, dan *dilalah* merupakan komponen utama dalam pembentukan *al-ta'rif*.

Soalan 3

Soalan 3(a) menghendaki calon menyatakan dua perbezaan antara *qadiyyah hamliyyah* dengan *qadiyyah syartiyyah*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara perbezaan tersebut adalah seperti yang berikut:

- (i) *Qadiyyah hamliyyah* tidak mempunyai kata syarat, manakala *qadiyyah syartiyyah* menggunakan kata syarat,
- (ii) *Qadiyyah hamliyyah* berperanan untuk mensabitkan hukum atau menafikan hukum sesuatu perkara, manakala *qadiyyah syartiah* mensabitkan kaitan antara dua perkara,
- (iii) Komponen utama *qadiyyah hamliyyah* dipanggil sebagai *maudu'* dan *mahmul*, manakala komponen utama *qadiyyah syartiyyah* dipanggil sebagai *muqaddam* dan *tali*, dan
- (iv) *Qadiyyah hamliyyah* mempunyai *rabitah*, manakala *qadiyyah syartiyyah* mempunyai syarat dan jawab.

Soalan 3(b) menghendaki calon membina dua contoh *qiyas* yang berkaitan dengan ketuhanan. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara contoh *qiyas* yang berkaitan dengan ketuhanan ialah seperti yang berikut:

- 1) Alam ini baharu
Setiap yang baharu ada penciptanya
Maka, alam ini ada penciptanya.
- 2) Alam ini indah ciptaannya
Setiap yang indah dicipta oleh Yang Berkuasa
Maka, alam ini dicipta oleh Tuhan yang berkuasa.

Soalan 3(c) menghendaki calon membincangkan penggunaan *qiyas* dalam bidang Usuluddin. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah para ulama kalam telah membuat beberapa bentuk *qiyas* bagi membuktikan kebenaran akidah Islam, *qiyas mantiqi* digunakan untuk membuktikan kewujudan Allah seperti dalil *hudus* alam, ia digunakan untuk mematahkan hujah golongan yang ingin menentang Islam, dan sebagainya.

Soalan 4

Soalan 4(a) menghendaki calon menjelaskan pengertian *istiqra'*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. *Istiqra'* ialah membuat kesimpulan umum daripada dalil yang khusus.

Soalan 4(b) menghendaki calon menghuraikan bahagian *istiqra'* berserta contoh. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan dengan baik. *Istiqra'* terbahagi kepada dua, iaitu *istiqra' tam* dan *istiqra' naqis*. *Istiqra' tam* ialah suatu penyelidikan yang dijalankan terhadap seluruh *juz'i* yang membentuk *kulli* dan seterusnya membuat hukum ke atas *kulli* tersebut. Contohnya kajian terhadap kebolehan membaca dan menulis bagi pelajar dalam satu kelas dan kajian dilakukan ke atas semua pelajar di dalam kelas tersebut. Kemudian, keputusan akan dibuat ke atas semua sampel yang dikaji. *Istiqra' naqis* pula ialah suatu penyelidikan yang dijalankan terhadap sebahagian *juz'i* yang terletak di bawah *kulli*, dan seterusnya hukum dikeluarkan ke atas *juz'i* yang berada di bawah *kulli*. Sebagai contoh, kajian yang dilakukan oleh Imam Shafie terhadap wanita bagi menetapkan tempoh haid yang paling singkat dan yang paling panjang. Beliau membuat kajian terhadap sebahagian wanita dan membuat keputusan terhadap semua wanita yang dikaji dan tidak dikaji.

Soalan 4(c) menghendaki calon membincangkan empat syarat *tajribah*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara syarat *tajribah* ialah menyeluruh, pemusatan, penggunaan alat yang moden, pengulangan, dan tidak gopoh.

Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon menyatakan dua buah kitab ilmu mantik yang dihasilkan oleh al-Ghazaliyy. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah kitab *Mi'yar al-Ilm*, *Mihak al-Nazar fi al-Mantik*, *al-Qistas al-Mustaqim*, dan *al-Maqasid al-Falasifah*.

Soalan 5(b) menghendaki calon menjelaskan pemikiran al-Ghazaliyy yang berkaitan dengan ilmu mantik. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah al-Ghazaliyy menjadikan ilmu mantik sebagai neraca pengukur kepada ilmu pengetahuan yang lain, beliau menolak penggunaan mantik secara mutlak dalam memahami persoalan ketuhanan, beliau meletakkan mantik sebagai suatu ilmu yang tidak terpisah daripada falsafah, dan beliau mengharuskan pembelajaran mantik bagi mematahkan hujah musuh Islam.

Soalan 5(c) menghendaki calon membincangkan sumbangan al-Ghazaliyy dalam ilmu mantik. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah beliau membuat ulasan dan mengkritik ilmu mantik yang bercanggah dengan ajaran Islam, beliau membuktikan bahawa *qiyas* mantik digunakan di dalam al-Quran, beliau telah memudahkan perbincangan ilmu mantik, beliau menghasilkan karya dalam bidang ilmu mantik yang menjadi rujukan sehingga masa ini, dan beliau berjaya menjadikan mantik sebagai satu disiplin ilmu Islam dengan penemuan yang baharu.

Laporan Peperiksaan **STPM 2018**



SASBADI SDN. BHD. (139288-X)

(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad (1022660-T))

Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6145 1188 Faks: +603-6145 1199

Laman web: www.sasbadisb.com e-mel: enquiry@sasbadi.com



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6126 1600 Faks: +603-6136 1488

e-mel: ppa@mpm.edu.my

ISBN 978-983-77-1299-7



9 789837 712997